

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [ TAIPING ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan statistik kemalangan yang berlaku di sekitar terowong menora Lebuhraya PLUS dekat Ipoh untuk 2018 dan 2019 dan mengemukakan rancangan untuk mengatasi dan menurunkan kadar kemalangan tersebut.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 564 kes kemalangan jalan raya dicatatkan pada tahun 2018 di laluan Terowong Menora berbanding 533 kes kemalangan jalan raya dicatatkan sehingga September 2019. Manakala, bagi kes kemalangan maut pula mencatatkan sebanyak 7 kes masing-masing pada tahun 2018 dan sehingga September 2019. Bagi kes kematian pula, sebanyak 11 kes dicatatkan pada tahun 2018 dan setakat September 2019, sebanyak 7 kes dicatatkan.
  
2. Pelaksanaan pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh pelbagai agensi yang berkaitan keselamatan jalan raya. Sebagai contoh, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) melalui pejabat JKJR Negeri Perak giat melaksanakan advokasi bagi mendidik pemandu lori supaya lebih berhemah di atas jalan raya. Ini kerana berdasarkan penelitian jajaran di PLUS yang kerap mengalami kemalangan khususnya berhampiran terowong Menora melibatkan kendaraan berat seperti lori dan bas.

3. Bagi tahun 2018 hingga September 2019 pihak JKJR Perak bersama Agensi bersepada seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK), PUSPAKOM dan PLUS telah melaksanakan 13 siri Operasi Halangan di Kawasan Rehat dan Rawat Bukit Gantang arah utara. Operasi Halangan ini bertujuan untuk menguatkuasakan pemandu kenderaan berat terutamanya lori yang membawa muatan melebihi had yang dibenarkan, tayar, lebihan kayu yang diletakkan di bawah badan lori serta pemandu yang menyalahgunakan dadah semasa memandu kenderaan tersebut.
4. Bermula awal tahun ini, pihak JPJ Perak juga telah melaksanakan penguatkuasaan berterusan ke atas semua pengguna lebuhraya dari Plaza Tol Jelapang sehingga persimpangan Bandar Baharu di kedua arah selain melakukan rondaan di sepanjang lebuhraya di Negeri Perak. Pelaksanaan penguatkuasaan dan rondaan di lebuhraya ini bertujuan untuk mengurangkan kes-kes kemalangan melibatkan kenderaan berat terutamanya berhampiran Terowong Menora. Berdasarkan sumber maklumat PLUS, pihak JPJ bercadang untuk pemasangan kamera AWAS di kedua arah bermula KM257 sehingga KM259. Pihak JKJR Perak juga turut melakukan rondaan dan pemantauan secara berkala selama 2 minggu khususnya pada cuti musim perayaan Tahun Baru Cina dan Hari Raya Aidilfitri selain Hari Raya Aidiladha.
5. Pihak pengurusan PLUS N5, Kuala Kangsar juga telah merancang mengadakan satu program simulasi menyelamat mangsa kemalangan jalan raya di dalam Terowong Menora dengan agensi keselamatan yang bakal dilaksanakan pada bulan November tahun ini. Ini bertujuan bagi memberi latihan kepada semua agensi penyelamat untuk bersiap sedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan bencana yang boleh berlaku di dalam terowong. JKJR Perak bertindak sebagai penyelaras simulasi bersama APM Perak dan PLUS. Program ini melibatkan jabatan lain seperti BOMBA, RELA, Jabatan Kesihatan di bawah naungan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

Sekian, terima kasih.